

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Dr Ruslinda cipta formula uji awal virus HIV |             |                     |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia                            |             |                     |
| Date       | 01 Dec 2013                                  | Color       | Full Color          |
| Section    | Supplement                                   | Circulation | 459,793             |
| Page No    | 7  | Readership  | 1,854,000           |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 572 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Oteh RABIATUL AOAWIYAH KOH ABDULLAH          | AdValue     | RM 12,931           |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 38,793           |



# Dr. Ruslinda cipta formula uji awal virus HIV

Oleh RABIATUL ADAWIYAH  
KOH ABDULLAH  
adawiyah.koh@utusan.com.my

**B**ERGELAR pensyarah dan penyelidik, isteri dan ibu, bukan penghalang kepada wanita muda ini mengembangkan minatnya dalam bidang sains.

Tanpa mengenal penat dan putus asa, Dr. Ruslinda A. Rahim, memberikan komitmen, tenaga, masa dan buah fikiran yang bukan sedikit dalam mencari formula menghasilkan penemuan baru untuk manfaat semua.

Kesungguhan dan kegigihan beliau memang sukar diungkap dengan kata-kata mahupun dinilai dengan wang ringgit.

Dr. Ruslinda yang juga Timbalan Dekan Pengurusan Penyelidikan dan Pusat Inovasi serta Pensyarah Kanan Institut Kejuruteraan Elektronik Nano Universiti Malaysia Perlis mahu mencipta teknologi yang dapat memberi kehidupan kepada berjuta insan lain.

Beliau menjalankan kajian dan penyelidikan untuk ujian pengesanan awal virus HIV dengan harapan dapat membantu mereka yang berisiko menghidap AIDS menjalani rawatan awal.

"Ciptaan saya ini saya anggap seperti sinar dan kehidupan baru kepada sesiapa jua yang mungkin berisiko dijangkiti AIDS. Prinsip saya mudah,

prevenشن adalah penting daripada penyembuhan. Saya ingin mencipta pengesanan virus HIV yang cepat, murah dan mudah semudah alat untuk ujian kehamilan," katanya yang memenangi Anugerah L'Oreal Nasional Fellowship untuk Wanita dan Sains (FWIS) 2013 yang diadakan, baru-baru ini.

Dr. Ruslinda ialah salah seorang daripada tiga saintis wanita yang dipilih L'Oreal memenangi FWIS.

Anugerah itu adalah penghargaan atas sumbangan golongan ini dalam bidang sains untuk kepentingan masyarakat.



## INFO

Nama penuh **Dr. Ruslinda A. Rahim** Kerjaya **Timbalan Dekan Pengurusan Penyelidikan dan Pusat Inovasi dan Pensyarah Kanan Institut Kejuruteraan Elektronik Nano Universiti Malaysia Perlis.**